

11. PROJEK MENAIK TARAF BANGUNAN WISMA KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU

Yayasan Guru Tun Hussein Onn
Kementerian Pendidikan Malaysia

1. LATAR BELAKANG

1.1. Yayasan Guru Tun Hussein Onn (YGTHO) terletak di Wisma Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG) di atas lot 999, Seksyen 69, Jalan Kampung Attap di mana Wisma KWSG ini mempunyai 23 tingkat. Pada 20 September 2010, YGTHO telah melantik kontraktor pertama untuk projek menaik taraf Wisma KWSG dengan nilai kontrak berjumlah RM24.28 juta di mana tempoh kontrak adalah selama 12 bulan dari tarikh milik tapak. Kerja menaik taraf ini termasuk kerja reka bentuk dalaman dan luaran. Berdasarkan tarikh milik tapak pada 4 Mei 2011, kontraktor pertama sepatutnya menyiapkan projek ini pada 3 Mei 2012. Namun, tiga (3) lanjutan masa telah diberikan kepada kontraktor sehingga 27 April 2013 tetapi kontraktor masih gagal menyiapkan kerja tersebut. Kemajuan kerja yang dicapai hanyalah setakat 19.21% pada 21 Januari 2013 berbanding 100% yang sepatutnya siap pada 3 Mei 2012. Projek ini telah ditamatkan lebih awal, iaitu pada 21 Januari 2013 melalui Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor. Sejumlah RM9.42 juta telah pun dibayar bagi projek ini semasa penamatan projek dibuat.

1.2. Pada 1 September 2016, YGTHO telah melantik kontraktor penyelamat bagi menyiapkan kerja terbengkalai dalam tempoh 18 bulan (sehingga 14 Mac 2018) dengan harga kontrak berjumlah RM35.50 juta (dengan GST RM37.63 juta). Pelaksanaan projek telah dilanjutkan sehingga 28 Mac 2019 melalui kelulusan tiga (3) lanjutan masa. Bagaimanapun, peratus kemajuan projek pada 16 Ogos 2019 hanyalah 66% berbanding dengan 100% yang patut dicapai pada 28 Mac 2019. YGTHO kemudiannya telah mengeluarkan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor untuk kontraktor penyelamat pada 25 September 2019.

1.3. Berdasarkan lejar bayaran interim, nilai kerja yang diperakukan bagi kontraktor penyelamat adalah berjumlah RM19.61 juta seperti dalam **Jadual 11.1**.

JADUAL 11.1
NILAI KERJA YANG DIPERAKUKAN BAGI PROJEK NAIK TARAF WISMA KWSG

TAHUN PENILAIAN	WANG JAMINAN PELAKSANAAN (RM) [a]	JUMLAH BAYARAN KEPADA KONTRAKTOR (RM) [b]	LIQUIDATED AND ASCERTAINED DAMAGE (LAD) (RM) [c]	JUMLAH NILAI KERJA DIPERAKUKAN [d] = ([a]+[b]+[c])
2016	25,999	233,993	-	259,992
2017	626,342	5,637,075	-	6,263,417
2018	1,060,581	9,545,226	-	10,605,807
2019	62,078	2,191,657	222,585	2,476,320
JUMLAH	1,775,000	17,607,951	222,585	19,605,536

Sumber: Lejar Bayaran Interim

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada prosedur tuntutan kerugian dan rampasan Wang Jaminan Pelaksanaan adalah teratur dan selaras dengan akta dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan telah dijalankan terhadap projek menaik taraf Wisma KWSG bagi tempoh 2016 hingga 2019 dengan menyemak fail, rekod, baucar bayaran dan dokumen berkaitan projek tersebut di YGTHO. Di samping itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal Audit turut dijalankan untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh melalui proses semakan yang telah dijalankan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 29 September hingga 2 Oktober 2020. Maklum balas daripada YGTHO dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diterima pada 27 Oktober dan 3 November 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) telah diadakan pada 3 November 2020. Penemuan Audit adalah seperti yang dinyatakan di perenggan 4.1 dan 4.2.

4.1. Sejumlah RM7.43 Juta Tidak Dituntut Daripada Kontraktor Pertama Disebabkan Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Tidak Dikeluarkan

4.1.1. Mengikut klausa 51(c)(v) dalam kontrak perjanjian antara KWSG dan kontraktor pertama (No Kontrak: KWSG/HARTA/-01/KP/-F05(01)), sebaik sahaja Kerajaan melantik kontraktor baru untuk menyiapkan baki kerja yang tinggal akibat

daripada penamatan kontrak berkenaan, Pegawai Penguasa perlu membuat penilaian tepat secara munasabahnya kos muktamad yang ditanggung oleh Kerajaan untuk menyiapkan baki kerja yang terlibat serta kerugian secara langsung yang perlu ditanggung oleh Kerajaan. Pegawai Penguasa atau Pengarah Projek perlu mengeluarkan Perakuan Kos Penamatan kepada Kontraktor. Sekiranya kos penyiapan adalah melebihi jumlah harga kontrak asal terlaras, Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor berserta dengan satu surat tuntutan terhadapnya untuk membayar kepada Kerajaan jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan. Perkara ini turut dinyatakan dalam Seksyen C, Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 8/2013 berkaitan Garis Panduan Untuk Urusan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.

4.1.2. Kontraktor pertama bagi projek menaik taraf bangunan 23 tingkat Wisma KWSG telah ditamatkan pada 21 Januari 2013 melalui surat rujukan no. KWSG/Harta-01/KP-F05(054). Semakan Audit mendapati **Perakuan Kos Penamatan bagi kontrak dengan kontraktor pertama masih tidak dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa walaupun kontraktor penyelamat telah dilantik pada 1 September 2016**. Draf Perakuan Kos Penamatan telah dikemukakan oleh pihak perunding kepada KPM melalui rujukan e-mel bertarikh 21 November 2017. Berdasarkan draf tersebut, anggaran kos penyiapan projek tersebut adalah melebihi harga kontrak terlaras (akhir) berjumlah RM7.43 juta. Perbezaan amaun ini sepatutnya dituntut daripada kontraktor pertama oleh KPM/YGTHO. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 11.2**.

JADUAL 11.2
DRAF PERAKUAN KOS PENAMATAN BAGI PROJEK NAIK TARAF WISMA KWSG

PERKARA	JUMLAH (RM)
Kos Penyiapan	
Bayaran Wang Pendahuluan	1,688,771
Bayaran Interim	9,419,340
Baki Nilai Wang Jaminan Pelaksanaan Yang Belum Ditahan	909,362
Jumlah Harga Kontrak Baru	15,705,832
Kos Mempelawa Semula Tender Dan Pengawasan	3,627,378
10% Caj <i>On Cost</i>	362,738
JUMLAH KOS PENYIAPAN (A)	31,713,421
Harga Kontrak Akhir	
Harga Kontrak	24,278,770
JUMLAH HARGA KONTRAK AKHIR (B)	24,278,770
JUMLAH BAYARAN KONTRAKTOR KEPADA KERAJAAN (A-B)	7,434,651

Sumber: Draf Perakuan Kos Penamatan

4.1.3. Pegawai di KPM memaklumkan antara punca Perakuan Kos Penamatan ini tidak dikeluarkan adalah kerana dokumen sokongan seperti kontrak asal dan bayaran interim tidak dikemukakan oleh YGTHO kepada KPM untuk tindakan lanjut.

4.1.4. Perakuan Kos Penamatan yang tidak dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa menyebabkan perbezaan kos penyiapan dengan harga kontrak berjumlah RM7.43 juta tidak dapat dituntut daripada kontraktor pertama.

Maklum balas YGTHO yang diterima pada 27 Oktober 2020 dan KPM yang diterima pada 3 November 2020

Projek menaik taraf bangunan Wisma KWSG yang pertama adalah pada tahun 2011. Terdapat beberapa dokumen yang diperlukan oleh pihak Teknikal KPM untuk semakan tidak dapat diberikan oleh pihak YGTHO memandangkan pegawai KWSG yang mengendalikan projek tersebut telah ditamatkan perkhidmatan dan usaha pencarian dokumen masih lagi diteruskan oleh pihak YGTHO. Pihak kontraktor pertama ditamatkan disebabkan syarikat tersebut telah mufis.

Pernyataan Audit

Perakuan Kos Penamatan yang tidak dimuktamadkan menyebabkan RM7.43 juta tidak dapat dituntut daripada kontraktor pertama.

4.2. Wang Jaminan Pelaksanaan Berjumlah RM1.78 Juta Tidak Dirampas Selepas Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor Dikeluarkan

4.2.1. Peraturan mengenai rampasan jaminan bon pelaksanaan atau wang jaminan pelaksanaan selepas notis penamatan pengambilan kerja kontraktor ditamatkan adalah seperti berikut:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia – PK 4.7, perenggan 13.2.2 menetapkan Pegawai Penguasa hendaklah merampas jaminan bon pelaksanaan daripada Institusi Kewangan yang menjamin pelaksanaan projek tersebut dengan kadar segera. Bagi projek yang menggunakan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) selain daripada jaminan bon pelaksanaan, Pegawai Penguasa hendaklah melunaskan WJP tersebut bagi faedah Kerajaan atau agensi dan memastikan ia dikreditkan kepada hasil Kerajaan atau agensi.
- b. Klausula 13.6 dalam perjanjian kontrak antara YGTHO dan kontraktor penyelamat menetapkan sekiranya kontrak ditamatkan di bawah klausula 51, jaminan bon pelaksanaan/wang jaminan pelaksanaan akan dirampas.

Rampasan mengenai WJP ini turut dinyatakan dalam Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor no rujukan KPM(BP)T/KWSG/S(1043) bertarikh 25 September 2019.

4.2.2. Kontraktor penyelamat yang sepatutnya menyiapkan baki kerja menaik taraf bangunan 23 tingkat Wisma KWSG telah ditamatkan kontrak melalui Notis Penamatan Kontraktor pada 25 September 2019. Semakan Audit mendapati WJP berjumlah RM1.78 juta bagi projek ini seperti di **Jadual 11.1** masih belum dirampas dan tidak diambil kira sebagai hasil YGTHO sehingga ke tarikh akhir pengauditan dengan tempoh kelewatan sebanyak 372 hari. YGTHO sepatutnya merampas WJP tersebut dengan mengkreditkan amaun tersebut ke dalam hasil YGTHO selepas notis penamatan dikeluarkan.

4.2.3. Punca WJP masih belum dirampas dan dikreditkan kepada hasil adalah kerana pegawai YGTHO tidak membuat semakan terhadap syarat kontrak dan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor selepas notis tersebut dikeluarkan.

Maklum balas YGTHO yang diterima pada 27 Oktober 2020

Pihak YGTHO mengambil maklum atas kesalahan tidak merekod Wang Jaminan Pelaksanaan dan akan membuat pelarasan terhadap kesalahan tersebut.

Pernyataan Audit	WJP berjumlah RM1.78 juta yang tidak dirampas menyebabkan YGTHO tidak dapat menggunakan amaun tersebut untuk menampung semula kos menyiapkan projek yang terbengkalai.
-----------------------------	---

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan, adalah disyorkan YGTHO mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

5.1. Menyediakan akaun penamatan projek dengan segera bagi membolehkan tuntutan terhadap kontraktor boleh dibuat.

5.2. Mengambil tindakan sewajarnya terhadap mana-mana pegawai yang cuai dan tidak mematuhi arahan dan peraturan kewangan yang ditetapkan.